

U GB 22-07 00178 BB347

BAH

PEMILIHAN MALAYSIA BUKTIKAN BEKEBENARAN JADI PILIHAN: MAHATHIR

Mahathir - Komanwel

KUALA LUMPUR, 22 Julai (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad berkata, pemilihan Malaysia sebagai tuan rumah Sukan Komanwel pada tahun 1998 membuktikan bahawa negara-negara Komanwel menolak tawaran wang dan mengutamakan keikhlasan.

+Saya berasa amat gembira kerana akhirnya cara-cara nak guna duit untuk mendapat sokongan tidak berjaya, sebaliknya mereka lebih mengutamakan kebenaran,+ kata Perdana Menteri kepada pemberita selepas mengadakan perjumpaan dengan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Batu di bangunan Parlimen di sini petang ini.

Dr Mahathir berkata, negara-negara Komanwel kini mengambil kira untuk memberi peluang kepada negara membangun menjadi tuan rumah sukan itu dan pemilihan negara kaya yang sanggup membiayai penerbangan dan sebagainya bukan lagi menjadi kriteria.

+Saya mengucapkan tahniah kepada Jawatankuasa Olimpik dan Menteri Belia dan Sukan Senator Annuar Musa dan kepada para anggota Komanwel yang telah mengundi Malaysia kerana mereka berpegang kepada prinsip tidak terpengaruh dengan tawaran yang ditawarkan, katanya.

Dr Mahathir yakin Malaysia mampu mengadakan segala kemudahan yang secukupnya untuk Sukan Komanwel 1998. -- Lagi.

▼22/07/20-08MST

U GB 22-07 00162 BB348

BAH

Mahathir - Komanwel 2 Kuala Lumpur

+Kita mempunyai enam tahun untuk bersedia, kita sudahpun kenal pasti apa yang harus dibuat termasuklah kompleks perkampungan sukan, hotel dan stadium,+ kata beliau.

Malaysia, katanya, mendapat bantuan \$50 juta dari +Tote Board+ untuk membina sebuah stadium yang boleh menempatkan 100,000 penonton, di samping itu kemudahan-kemudahan kecil untuk beberapa jenis pertandingan akan turut disediakan.

Malaysia mencatat sejarah apabila Kuala Lumpur dipilih sebagai tuanrumah Sukan Komanwel 1998 pada pemilihan Mesyuarat Agung Persekutuan Sukan Komanwel (CGF) yang diadakan di Barcelona semalam, menewaskan Adelaide dengan keputusan 40-25 undi.

Inilah kali kedua sebuah ibu negara dari kalangan bukan negara kulit putih dipilih menjadi tuan rumah sukan itu. Kingston, ibu negara Jamaica menjadi tuan rumah sukan itu pada tahun 1966.

Kempen antara kedua-dua pihak untuk menjadi tuan rumah sukan itu tercemar apabila Adelaide dalam usaha terakhirnya telah menawarkan tambahan tiket penerbangan kepada beberapa negara tertentu terutamanya dari Benua Afrika. -- Lagi.

▼22/07/20-09MST

BAH

Mahathir - Komanwel 3 (Akhir) Kuala Lumpur

Mengenai perjumpaan hampir sejam dengan Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Batu, Dr Mahathir yang juga Presiden UMNO serta Pengerusi Barisan Nasional (BN) berkata, beliau berjumpa dengan pergerakan itu untuk mengetahui masalah mereka.

Katanya, beliau akan memainkan peranan sedikit dalam menyelesaikan soal undi tidak percaya oleh Pergerakan Pemuda UMNO Bahagian Batu terhadap Timbalan Menteri Perpaduan Negara dan Pembangunan Masyarakat Datuk Alex Lee selaku anggota Parlimen kawasan Batu.

Seorang jurucakap Pergerakan itu berkata, pada perjumpaan hari ini Perdana Menteri telah dimaklumkan mengenai rasa tidak puas hati Pergerakan Pemuda UMNO serta anggota UMNO bahagian itu terhadap sikap dan tindakan Lee dalam melaksanakan tugasnya sebagai wakil rakyat kawasan itu.

+Kami bersyukur kepimpinan sanggup berjumpa dan memahami masalah (kami) dan bahawa masalah yang kami bawa ini mempunyai elemen yang benar,+ katanya.

Jurucakap itu mendakwa Lee lebih mementingkan persatuan-persatuan penduduk, rukun tetangga dan persatuan-persatuan sukarela lain dalam soal peruntukan untuk bantuan serta kewangan dari wakil rakyat dan UMNO tidak dipentingkannya. -- Bernama.

▼22/07/20-33MST